



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## PERUTUSAN

### YANG BERTHORMAT

**DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR  
MENTERI KESIHATAN**

### **SEMPENA BULAN KESEDARAN KANSER PAYUDARA 2023**

1. Kanser payudara ialah kanser yang paling kerap didiagnosis dan penyebab utama kematian kanser pada wanita di seluruh dunia. Menurut data yang diperolehi daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia, dianggarkan sejumlah 2.3 juta kes kanser payudara baru (1 dalam 4 kes kanser baru) dan 685,000 kematian akibat kanser payudara (1 dalam 6 kematian) dicatatkan pada tahun 2020.
2. Di Negara Brunei Darussalam, kanser payudara juga merupakan kanser yang paling utama di kalangan wanita, iaitu lebih dari 100 kes baru dikesan setiap tahun. Dari tahun 2002 hingga 2022, jumlah kes kanser payudara yang dicatatkan adalah sebanyak 1,814 kes. Pada tahun 2022 sahaja, kira-kira 148 wanita di Negara Brunei Darussalam telah disahkan menghidap penyakit kanser payudara dan sebanyak 35 kematian akibat kanser ini telah dicatatkan pada tahun yang sama.
3. Faktor risiko menghidap kanser payudara adalah mempunyai ahli keluarga terdekat atau sejarah keturunan (family history) menghidap kanser payudara. Manakala, faktor risiko lain pula termasuk faktor

yang tidak boleh dikawal seperti peningkatan usia, jantina wanita, mempunyai sejarah lalu kanser payudara dan awal datang haid. Diantara faktor risiko yang boleh dikawal pula adalah seperti mempunyai berat badan berlebihan, tidak melakukan kegiatan fizikal, merokok dan mengamalkan pemakanan yang tidak sihat.

4. Bulan Oktober merupakan Bulan Kesedaran Kanser Payudara. Pada tahun ini, tema Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Payudara 2023 adalah **“Think Pink, Take Action”**. Tema ini menggesa untuk mengambil tindakan melalui pemeriksaan payudara sendiri setiap bulan dan menjalani pemeriksaan mamogram secara berakala. Kempen yang diadakan sekali setahun selama sebulan ini juga memberi peluang kepada individu dan masyarakat di seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam akan kepentingan kesedaran mengenai kanser payudara dari segi risikonya, faktor penyebabnya dan kepentingan pengesanan awal. Bulan ini juga bertujuan untuk memberi sokongan dan semangat kepada mereka yang terjejas akibat kanser payudara termasuk pesakit mahupun keluarga mereka untuk terus tabah dalam mengharungi cabaran dan perjalanan melawan penyakit berkenaan.
5. Mengetahui keadaan payudara sendiri dan mengamalkan pemeriksaan payudara sendiri (breast self-examination, BSE) setiap bulan atau disertakan dengan kaedah pengimejan payudara mammogram boleh membantu mengesan kanser payudara pada peringkat awal. Jika

sekiranya individu mengalami sebarang perubahan pada bahagian payudara, misalannya terdapat ketulan sama ada sakit ataupun tidak, individu tersebut disarankan untuk mendapatkan nasihat perubatan dan penilaian selanjutnya di mana-mana pusat kesihatan, klinik atau hospital dengan seberapa segera. Sekiranya kanser payudara dikesan pada peringkat awal, rawatan akan lebih efektif dan besar kemungkinan boleh sembuh. Namun, jika kanser dikesan pada peringkat akhir seperti jika ianya telah merebak ke kelenjar limfa (lymph nodes) atau organ lain, rawatan akan menjadi panjang dan lebih rumit. Sebagai contoh, rawatan kanser payudara tidak perlu melibatkan pembedahan membuang keseluruhan payudara jika ianya telah dikesan lebih awal (iaitu ketika ketulan atau ketumbuhan masih bersaiz kecil). Pengesanan awal kanser meningkatkan hasil kesembuhan dan menyelamatkan nyawa.

6. Dalam menyokong pencegahan dan pengesanan awal kanser payudara, usaha bersama sebagai satu masyarakat adalah amat digalakkan dan tidak terhad kepada usaha dari pihak kerajaan sahaja bahkan pihak swasta, sekolah dan institusi pendidikan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) juga boleh memainkan peranan yang berimpak besar dalam menyebarkan dan memberi kefahaman berkaitan kanser payudara. Sokongan juga boleh diberikan melalui pelbagai cara seperti mengadakan forum atau dialog di tempat kerja, acara bertemakan warna merah jambu, aktiviti menerusi media sosial dan sebagainya.

7. Pada bulan Oktober 2019, Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan Program Pemeriksaan (Saringan) Kanser Payudara. Semenjak pelancarannya, 12% iaitu lebih kurang 5,445 wanita yang memenuhi kriteria telah melalui proses saringan ini. Kriteria bagi penyertaan Program Pemeriksaan Kanser Payudara di bawah Kementerian Kesihatan adalah seperti berikut:

- Wanita warganegara dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam yang berumur 40 ke 69 tahun
- Tidak pernah menghidap kanser payudara dan mempunyai sebarang gejala penyakit payudara
- Tidak pernah menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan

Orang ramai yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Payudara bolehlah melayari laman web [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

8. Akhirnya, dengan adanya kemudahan yang disediakan seperti program pemeriksaan kanser payudara ini, saya ingin menyeru semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam terutama sekali para wanita yang memenuhi kriteria untuk mengambil kesempatan dan peluang yang ada bagi menjalani pemeriksaan saringan kanser payudara demi untuk kesihatan diri sendiri jua. Dalam masa yang sama, apa yang diharapkan, orang ramai akan terus meningkatkan

kesedaran tentang kepentingan kesihatan payudara serta memahami kepentingan pengesanan awal.

-TAMAT-